

Terma dan Syarat Mengawal Selia Kad Kredit GSC-Hong Leong Bank ["T&S"]

Dengan menerima Kad Jenama Bersama, Pemegang Kad bersetuju untuk terikat dan mematuhi terma dan syarat yang dinyatakan di dalam T&S ini, dan semua terma dan syarat yang terkandung di dalam Terma dan Syarat Mengawal Selia Penggunaan Kad Kredit Kumpulan Hong Leong Bank.

1. Definisi: Di dalam terma dan syarat ini, kecuali konteks memerlukan sebaliknya atau dinyatakan dengan jelas di sini, ekspresi berikut akan membawa maksud berikut:-
 - a. **"Bank"** bermaksud Hong Leong Bank Berhad.
 - b. **"Pemegang Kad"** bermaksud individu yang dinamakan pada Kad Jenama Bersama, sama ada Pemegang Kad Prinsipal atau Tambahan, kecuali dinyatakan sebaliknya.
 - c. **"VISA"** bermaksud Visa International Services Association, sebuah pertubuhan yang diperbadankan di Delaware, Amerika Syarikat dengan pejabat berdaftar di bandar Wilmington, Delaware, Amerika Syarikat di mana Bank merupakan ahli institusi dan merangkumi pengganti dan penerima serah-haknya.
 - d. **"Kad Jenama Bersama"** bermaksud kad kredit yang diterbitkan oleh Hong Leong Bank dengan logo GSC tertera padanya dan/atau sebarang nama, logo dan/atau tanda niaga lain yang mungkin ditetapkan oleh Hong Leong Bank dari semasa ke semasa, kecuali dinyatakan sebaliknya.
 - e. **"GSC"** bermaksud Pawagam Golden Screen yang diuruskan dan dikendalikan di bawah nama Golden Screen Cinemas Sdn Bhd.
 - f. **"Keistimewaan Wayang Eksklusif "** bermaksud diskaun sehingga 10% yang layak diperolehi oleh Pemegang Kad ke atas pembelian tiket wayang biasa GSC seperti ditentukan oleh Hong Leong Bank.
 - g. **"Laluan Pembelian Keutamaan "** bermaksud keistimewaan di bawah Kad Jenama Bersama di mana Pemegang Kad boleh membeli tiket dengan lebih pantas dan mudah.
 - h. **"Tawaran Kudapan"** bermaksud diskaun 10% yang layak diperolehi oleh Pemegang Kad untuk setiap pembelian di kaunter kudapan untuk 3 bulan pertama dan diskaun 5% untuk bulan seterusnya seperti ditentukan oleh Hong Leong Bank.
 - i. **"Keistimewaan Jamu Selera"** bermaksud diskaun sehingga 15% yang layak diperolehi oleh Pemegang Kad apabila menjamu selera di outlet makanan dan minuman GSC, dibayar menggunakan Kad Jenama Bersama seperti ditentukan oleh Hong Leong Bank.
 - j. **"RM"** bermaksud Ringgit Malaysia, matawang sah di Malaysia.
 - k. **"Nilai Bonus"** bermaksud keistimewaan yang diberikan kepada Pemegang Kad Prinsipal Jenama Bersama baharu yang berkaitan dengan jenis kad mereka. Pemegang Kad Emas layak menerima Nilai Bonus RM60 manakala Pemegang Kad Platinum pula layak menerima Nilai Bonus RM100 .
2. Kad Jenama Bersama hanya boleh digunakan untuk pembelian persendirian individu biasa sahaja dan tidak boleh digunakan untuk pembelian perniagaan atau komersial. Hong Leong Bank berhak untuk menamatkan dengan serta-merta sebarang Kad Jenama Bersama yang digunakan untuk pembelian perniagaan atau komersial sebagaimana dianggap oleh Hong Leong Bank telah digunakan untuk pembelian perniagaan atau komersial.
3. Pemegang Kad layak menikmati diskaun sehingga 10% atas pembelian tiket biasa menggunakan Kad Jenama Bersama di semua Kaunter Box-Office pawagam GSC dan pembelian internet tertakluk kepada variasi yang mungkin ditetapkan secara mutlak oleh Hong Leong Bank dan GSC dengan memberikan notis awal. Ilustrasi:

Kos Setiap Tiket	Kelayakan Diskaun
Di bawah RM 10	RM 0.50 setiap tiket
RM10 dan ke atas	RM 1 setiap tiket
RM 20 dan ke atas	RM 2 setiap tiket
RM 40 dan ke atas	RM 4 setiap tiket
RM 50 dan ke atas	RM 5 setiap tiket
RM 60 dan ke atas	RM 6 setiap tiket

Hanya sah untuk tiket dewasa biasa. Tidak sah untuk harga Hari Rabu, Pelajar, Orang Kurang Upaya, Warga Emas, Kanak-Kanak dan tiket diskaun Festival Filem.

- Pemegang Kad layak membeli tiket wayang GSC dengan lebih pantas dan mudah melalui Laluan Pembelian Keutamaan Kad Jenama Bersama. Laluan Pembelian Keutamaan berkongsi dengan laluan tempahan-E dan Gold Class.
Disediakan di outlet GSC terpilih sahaja.
- Pemegang Kad layak menikmati diskaun 10% untuk 3 bulan pertama selepas tarikh kad diluluskan untuk membeli sebarang kudapan melalui kaunter konsesi menggunakan Kad Jenama Bersama. Kemudiannya, Pemegang Kad akan mendapat diskaun 5% untuk setiap pembelian di kaunter konsesi tertakluk kepada variasi yang mungkin ditetapkan secara mutlak oleh Hong Leong Bank dan GSC dengan memberikan notis awal.
Hanya sah untuk barangan bukan-promosi.
- Pemegang Kad layak menikmati diskaun sehingga 15% apabila menjamu selera di mana-mana outlet Makanan & Minuman GSC menggunakan Kad Jenama Bersama.
Tidak sah untuk hidangan promosi & catering. Hanya sah untuk pelanggan yang makan di outlet Glitters Café, Paradiso, Café Caro & Dessert Bar
- Pemegang Kad Prinsipal baharu-kepada-Bank akan layak mendapat Nilai Bonus RM60 dan Pemegang Kad Platinum pula layak mendapat Nilai Bonus RM100. Pemegang Kad hendaklah menggunakan Nilai Bonus untuk membayar 50% daripada jumlah pembelian tiket GSC.

Ilustrasi Pemegang Kad Platinum dengan Nilai Bonus RM100:

Transaksi #	1	2
Baki BV B/F	RM100	RM46
Tiket Dibeli	2 x Tiket Klasik Emas	10 x Tiket Biasa
Kos Setiap Tiket	RM60 / tiket	RM12 / tiket
Jumlah Kos	RM120	RM120
Diskaun pertama (sehingga 10%)	RM6 / tiket	RM1 / tiket
Amaun Perlu Dibayar	RM108	RM110
Diskaun ke-2 (BV)	RM54	RM46
Amaun Baharu Perlu Dibayar	RM54	RM64
Baki BV C/F	RM46	RM0

(BV=Nilai Bonus, Trans=Transaksi, B/F=Dibawa ke Hadapan, Amt=Amaun, C/F=Dihantar ke Hadapan, Bal=Baki, Disc=Diskaun).

Nota: Hanya sah untuk Pemegang Kad Kredit Prinsipal GSC – Hong Leong Bank baharu. Nilai Bonus adalah sah untuk tempoh 6 bulan dari tarikh kad diluluskan.

Bagaimanakah cara untuk menyemak baki Nilai Bonus anda?

1. SMS: mesej gsc bvbval <16 digit nombor Kad Kredit GSC-Hong Leong> dan hantar ke 36600.

**Setiap SMS tertakluk kepada caj SMS yang dikenakan oleh penyedia perkhidmatan telekomunikasi anda.*

2. Laman sesawang: Layari www.gsc.com.my dengan ID Ahli GSC anda.

3. Pembelian Tiket: Dapatkan cetakan tiket baki Nilai Bonus anda setiap kali anda membeli tiket wayang menggunakan Kad Kredit GSC-Hong Leong anda

8. Apabila Nilai Bonus telah ditebus dan ditolak dari akaun Kad Jenama Bersama, Nilai Bonus akan lupus dan tidak boleh dikembalikan atas sebarang sebab. Rekod Hong Leong Bank akan menjadi bukti konklusif amaun Nilai Bonus dalam akaun Pemegang Kad pada setiap masa.
9. Nilai Bonus yang tidak ditebus akan dikumpul dan dihantar ke hadapan kepada penyata bulan seterusnya. Bagaimanapun, sebarang Nilai Bonus yang tidak ditebus akan terbatal atau tidak sah apabila berlaku mana-mana kejadian berikut, dan tiada pengembalian, lanjutan atau pampasan akan diberi oleh Hong Leong Bank:-
 - a. Pembatalan Kad Jenama Bersama atas sebarang sebab;
 - b. Akaun Kad Jenama Bersama telah ingkar;
 - c. Program Nilai Bonus telah ditamatkan atas sebarang sebab;
 - d. Terdapat penipuan atau penggunaan tanpa kebenaran Kad Jenama Bersama, sebagaimana ditentukan oleh Hong Leong Bank;
 - e. Nilai Bonus luput dalam masa enam (6) bulan selepas tarikh kad diluluskan atau pada sebarang tarikh luput lain yang mungkin ditentukan oleh Hong Leong Bank dari semasa ke semasa.
10. Hong Leong Bank tidak bertanggungjawab ke atas sebarang penebusan tanpa kebenaran atau sebarang transaksi lain yang melibatkan Nilai Bonus, Keistimewaan Wayang Eksklusif, Tawaran Kudapan dan Keistimewaan Jamu Selera yang timbul dalam apa jua cara di mana-mana pawagam GSC.
11. Nilai Bonus bukan untuk dijual dan ia tidak boleh dipindah milik kepada mana-mana pihak ketiga dan tidak boleh ditukar untuk tunai, kredit atau barangan, sebahagian atau keseluruhan.
12. Hong Leong Bank berhak untuk menolak atau membatalkan sebarang Nilai Bonus, Keistimewaan Wayang Eksklusif, Tawaran Kudapan dan Keistimewaan Jamu Selera daripada mana-mana akaun Kad Jenama Bersama dengan memberi notis awal.
13. Keputusan Hong Leong Bank mengenai semua perkara yang berkaitan dengan Kad Jenama Bersama adalah muktamad dan mengikat ke atas semua Pemegang Kad, dan sebarang rayuan tidak akan dilayan oleh Hong Leong Bank.
14. Semua terma dan syarat di dalam Terma dan Syarat Mengawal Selia Penggunaan Kad Kredit Kumpulan Hong Leong Bank, sama ada diulang di sini atau sebaliknya, dianggap telah dimasukkan dan merupakan

sebahagian daripada T&S ini. Sekiranya terdapat sebarang konflik atau percanggahan di antara terma dan syarat di dalam Terma dan Syarat Mengawal Selia Penggunaan Kad Kredit Kumpulan Hong Leong Bank dan terma dan syarat yang dinyatakan di sini, terma dan syarat di sini akan berkuat kuasa.

15. Hong Leong Bank berhak mengikut budi bicara mutlaknyanya untuk:-
 - a. mengubah, memadam atau menambah kepada keistimewaan atau ganjaran Kad Jenama Bersama sebagaimana dinyatakan di dalam T&C ini dari semasa ke semasa dengan memberi notis awal; termasuk tetapi tidak terhad kepada Nilai Bonus, diskaun yang diberi untuk Keistimewaan Wayang Eksklusif, Tawaran Kudapan dan Keistimewaan Jamu Selera; atau
 - b. mengubah, memadam atau menambah kepada mana-mana T&S ini dari semasa ke semasa dengan memberi notis awal; atau
 - c. mengubah, membatalkan, menggantung atau menamatkan ciri-ciri dan keistimewaan Kad Jenama Bersama dengan memberi notis awal;

Dan sebarang variasi, pemadaman, penambahan, pembatalan, penggantungan atau penamatan oleh Hong Leong Bank boleh dibuat dengan meletakkan notis umum di dalam mana-mana satu terbitan akhbar harian kebangsaan atau dengan memaparkan notis umum di mana-mana cawangan Hong Leong Bank atau di laman sesawangnya atau dengan menggabungkan notis tersebut di dalam penyata pengebilan Hong Leong Bank yang dihantar kepada Pemegang Kad secara berkala, atau sebarang kaedah lain yang dianggap sesuai oleh Hong Leong Bank. Pemberitahuan tersebut akan berkuat kuasa dari tarikh yang dinyatakan di dalam notis dan jika tiada tarikh dinyatakan, ia akan berkuat kuasa dari tarikh notis diberikan.

Hong Leong Bank tidak boleh dipertanggungjawabkan ke atas sebarang tuntutan atau pampasan untuk sebarang dan semua kerugian dan kerosakan yang dialami atau ditanggung oleh Pemegang Kad yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh sebarang variasi, pemadaman, penambahan, pembatalan, penggantungan atau penamatan oleh Hong Leong Bank. Pemegang Kad bersetuju bahawa penggunaan berterusan Kad Jenama Bersama mereka akan membentuk persetujuan mereka kepada variasi, pemadaman, penambahan, pembatalan, penggantungan dan/atau penamatan tersebut.

16. Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, dalam apa jua keadaan, Hong Leong Bank atau mana-mana pegawainya, pekerja, kakitangan wakil dan/atau ejen (termasuk tanpa had, penyedia perkhidmatan pihak ketiga yang mungkin dilantik oleh Hong Leong Bank untuk tujuan Nilai Bonus), tidak boleh dipertanggungjawabkan ke atas sebarang kerugian atau kerosakan (termasuk dan tidak terhad kepada kerugian pendapatan, keuntungan atau muhibah, secara langsung atau tidak langsung, sampingan, berbangkit, teladan, punitif atau pampasan khas mana-mana pihak termasuk pihak ketiga) yang timbul dalam apa jua cara sama ada dalam kontrak, tort, kecuaiian atau sebaliknya, berkaitan dengan Kad Jenama Bersama, walaupun jika Hong Leong Bank telah dimaklumkan lebih awal mengenai kemungkinan kerugian atau pampasan tersebut, dan semua kerugian dan pampasan tersebut dengan ini dinyatakan sebagai dikecualikan
17. Hong Leong Bank tidak boleh dipertanggungjawabkan ke atas sebarang malapetaka semulajadi, perang, mogok, rusuhan, kekecohan awam, sekatan masuk, pertikaian industri, kebakaran, banjir, kemarau, ribut, kegagalan sistem atau teknikal atau sebarang kejadian yang di luar kawalan Hong Leong Bank.
18. Setakat yang dibenarkan sepenuhnya oleh undang-undang, Hong Leong Bank tidak mewakili atau memberi waranti mengenai Nilai Bonus atau promosi atau layanan istimewa yang disediakan di bawah Kad Jenama Bersama.

19. T&S ini hendaklah dianggap sebagai kontrak yang dibuat di bawah undang-undang Malaysia dan untuk semua tujuan dikawalselia dan dibentuk selaras dengan undang-undang Malaysia dan Pemegang Kad dengan ini bersetuju untuk berserah kepada bidang kuasa bukan eksklusif Mahkamah Malaysia atau sebarang mahkamah lain dengan bidang kuasa kompeten yang mungkin diarahkan oleh Hong Leong Bank.